



PARLIMEN MALAYSIA



RANG UNDANG-UNDANG

**Rang Undang-undang Jalan-jalan Persekutuan (Pengurusan
dan Persendirian)**

DR.13/1984

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk membuat peruntukan bagi seseorang untuk meminta, memungut dan menyimpan tol berkenaan dengan jalan, jambatan atau feri Persekutuan, dan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya.

[]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Jalan-Jalan Persekutuan (Pengurusan Persendirian) 1984. Tajuk ringkas.

2. (1) Adalah sah di sisi undang-undang bagi Menteri yang bertanggungjawab mengenai kerja-kerja melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta* untuk memberi kuasa kepada mana-mana orang yang telah bersetuju untuk membina, membina semula, meningkat, membaiki atau menyenggara mana-mana jalan, jambatan atau feri yang telah diisytiharkan atau akan diisytiharkan sebagai jalan, jambatan atau feri Persekutuan di bawah Ordinan Jalan-Jalan Persekutuan 1959 untuk meminta, memungut dan menyimpan tol bagi tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam perintah bagi penggunaan jalan, jambatan atau feri tersebut oleh mana-mana orang atau kelas kenderaan. Perintah bagi pemungutan tol.

Ord. P.T.M. 42/59.

(2) Suatu perintah di bawah subseksyen (1) hendaklah menyatakan—

(a) jalan, jambatan atau feri yang berkenaan dengannya tol boleh diminta, dipungut dan disimpan;

- (b) orang yang diberi kuasa untuk meminta, memungut dan menyimpan tol;
- (c) jangka masa pemberian kuasa di bawah perenggan (b);
- (d) orang-orang atau kelas kenderaan yang dikenakan dengannya tol boleh diminta, dipungut dan disimpan;
- (e) amaun tol;
- (f) tempat di mana tol boleh dipungut; dan
- (g) orang-orang atau kelas kenderaan yang akan dikecualikan daripada pembayaran tol.

Pemasangan
galang.

3. Mana-mana orang yang diberi kuasa untuk meminta, memungut dan menyimpan tol di bawah seksyen 2 boleh menyebabkan suatu galang dipasangkan di mana-mana tempat di mana tol akan dibayar, dan galang tersebut boleh diletakkan terhadap mana-mana orang atau kenderaan sehingga tol yang kena dibayar dikenakan dengan orang atau kenderaan tersebut telah dibayar.

Akaun, buku,
rekod, dsb.
berkenaan
dengan tol.

4. Mana-mana orang yang diberi kuasa untuk meminta, memungut dan menyimpan tol di bawah seksyen 2—

- (a) hendaklah menyenggara apa-apa akaun, buku dan rekod berkenaan dengan pembayaran dan pungutan tol sebagaimana dikehendaki oleh Menteri;
- (b) hendaklah memberi kepada Menteri apa-apa maklumat, penyata dan akaun berkenaan dengan pembayaran dan pungutan tol sebagaimana dikehendaki oleh Menteri; dan
- (c) hendaklah membenarkan mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Menteri untuk mempunyai akses kepada, atau untuk memeriksa atau meneliti, mana-mana akaun, buku, rekod, dokumen jentera atau alat yang disenggarakan atau digunakan bagi pembayaran atau pungutan tol.

5. Mana-mana orang yang diberi kuasa untuk meminta, memungut dan menyimpan tol di bawah suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 2 hendaklah menyenggara dalam keadaan baik dan menurut amalan-amalan kejuruteraan yang baik ke atas jalan, jambatan atau feri yang berkenaan dengannya perintah itu dibuat.

Tugas untuk menyenggara jalan, jambatan atau feri.

6. Kerajaan Malaysia tidaklah bertanggungjawab ke atas mana-mana orang berkenaan dengan apa-apa jua jenis kecederaan, kerosakan atau kehilangan yang timbul daripada kegagalan orang yang berhak meminta, memungut dan menyimpan tol di bawah suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 2 untuk menjalankan mana-mana tugasnya di bawah seksyen 5.

Imuniti Kerajaan Malaysia.

HURAIAN

Adalah menjadi niat Kerajaan Persekutuan untuk melibatkan sektor swasta di dalam pembinaan dan penyenggaraan jalan-jalan Persekutuan selaras dengan dasar persyarikatan Kerajaan. Rang Undang-Undang ini bertujuan untuk melaksanakan niat Kerajaan bagi maksud ini.

2. *Subfasal (1) fasal 2* Rang Undang-Undang bertujuan untuk memberi kuasa kepada Menteri yang bertanggungjawab mengenai kerja-kerja untuk membuat suatu perintah untuk memberi kuasa kepada mana-mana orang yang telah bersetuju untuk membina, membina semula, meningkatkan, membaiki atau menyenggara mana-mana jalan, jambatan atau feri Persekutuan untuk meminta, memungut dan menyimpan tol berkenaan dengan penggunaan jalan, jambatan atau feri oleh mana-mana orang atau kelas kenderaan, jangka masa pemberian kuasa tersebut yang dinyatakan dalam perintah.

Subfasal (2) fasal 2 Rang Undang-Undang membentangkan perkara-perkara yang mesti dinyatakan di dalam perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah *subfasal (1) fasal 2*.

3. *Fasal 3* Rang Undang-Undang membolehkan orang yang diberi kuasa meminta, memungut dan menyimpan tol oleh suatu perintah yang dibuat di bawah *fasal 2* untuk menyebabkan suatu galang dipasangkan di mana-mana tempat di mana tol kena dibayar, dan untuk galang tersebut diletakkan terhadap mana-mana orang atau kenderaan sehingga tol yang kena dibayar berkenaan dengan orang atau kenderaan tersebut telah dibayar.

4. *Fasal 4* Rang Undang-Undang bertujuan untuk memper-untukkan bahawa mana-mana orang yang diberi kuasa untuk meminta, memungut dan menyimpan tol melalui suatu perintah

yang dibuat di bawah *fasal 2* hendaklah menyenggara akaun, buku dan rekod berkenaan dengan pembayaran dan pungutan tol yang dia dikehendaki oleh Menteri untuk menyenggara. *Fasal* ini juga bertujuan menghendaki orang tersebut untuk memberi kepada Menteri maklumat, penyata-penyata dan akaun-akaun yang mana Menteri mungkin menghendaki berkenaan dengan pembayaran dan pungutan tol. Selanjutnya, *fasal* ini bertujuan untuk mengenakan ke atas orang tersebut kewajipan untuk membenarkan mana-mana orang yang diberi kuasa oleh Menteri untuk mempunyai akses kepada, atau memeriksa atau meneliti, mana-mana akaun, buku, rekod, dokumen, jentera atau alat yang disenggara atau digunakan bagi pembayaran atau pungutan tol.

5. *Fasal 5* Rang Undang-Undang bertujuan mengenakan ke atas orang yang diberi kuasa untuk meminta, memungut dan menyimpan tol melalui suatu perintah yang dibuat di bawah *fasal 2* suatu tugas untuk menyenggara jalan, jambatan atau feri berkenaan dengannya perintah dibuat berada di dalam keadaan baik dan menurut amalan-amalan kejuruteraan yang baik.

6. *Fasal 6* Rang Undang-Undang bertujuan untuk memberi kepada Kerajaan Malaysia imuniti daripada liabiliti kepada mana-mana orang berkenaan dengan apa-apa kecederaan, kerosakan atau kehilangan mengenai perihal apa jua pun yang timbul daripada kegagalan orang yang diberi kuasa untuk meminta, memungut dan menyimpan tol melalui suatu perintah yang dibuat di bawah *fasal 2* untuk menjalankan apa-apa tugas yang dikenakan ke atasnya di bawah *fasal 5*.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini mungkin akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang yang amaunnya tidak dapat ditentukan sekarang. [PN. (U²) 1281.]